


# PENCAPAIAN TERBESAR 2011

EKORAN kenaikan kos sara hidup, inisiatif NKRA menyediakan bantuan segera kepada rakyat dengan mengambil langkah pantas selain merangka strategi jangka panjang untuk meringankan beban rakyat.




## Inisiatif 'Kembali ke sekolah'

Seramai 5.3 juta pelajar sekolah rendah dan menengah menerima bantuan RM100.


Bermula sesi persekolahan 2012, kerajaan bersetuju memansuhkan yuran persekolahan. Buat pertama kali di Malaysia, kerajaan menyediakan pendidikan percuma kepada rakyat.

## BR1M

Di bawah inisiatif Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), kira-kira 5.2 juta isi rumah berpendapatan RM3,000 ke bawah menerima bantuan RM500. Ia meliputi 75% daripada isi rumah di Malaysia.



30 - 40%  
LEBIH  
MURAH



KR1M

## KR1M

Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) rakyat boleh menikmati dan membeli barang keperluan harian dengan harga 30-40% lebih murah daripada kedai runcit lain.

HARGA  
BIASA



KEDAI  
BIASA



## BANTUAN BUKU

Kira-kira 1.3 juta pelajar IPTA/IPTS, matrikulasi dan pelajar tingkatan enam menikmati Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) bernilai RM200.

RM



## RAWATAN KESIHATAN PERCUMA



Setakat ini perkhidmatan kesihatan untuk rakyat hampir percuma dengan Klinik 1Malaysia hanya mengenakan caj RM1 manakala warga emas mendapat rawatan percuma.

Sumber: Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu)